



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Khamis, 15 Disember 2022

1	Tidur dalam kereta, jaga 14 ekor lembu
2	'Berkhemah' dalam kereta awasi 14 ekor lembu

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15.12.2022	KOSMO	NEGARA	14

Elak haiwan peliharaan bernilai RM50,000 milik dua sahabat daripada dicuri

Tidur dalam kereta jaga 14 ekor lembu

Oleh ROHANA ISMAIL

PASIR MAS – Dua sahabat sanggup tidur dalam kereta untuk memantau sebanyak 14 ekor lembu peliharaan mereka yang bernilai lebih RM50,000 daripada dicuri apabila Kampung Serongga dilanda banjir sejak lima hari lalu.

Raihan Mohammad, 23, bersama Afifidaus Mat Yusof, 16, sempat memindahkan semua lembu baka Charolais dan Limousin ke tempat tinggi sejak tiga hari lalu apabila kandang haiwan tersebut dinaiki air setinggi 0.3 meter.

Raihan berkata, dia mengawasi lembunya 24 jam secara bergilir-gilir dengan Afifidaus dengan duduk di dalam kereta di kawasan lapang yang menempatkan haiwan ternakan itu.

"Saya dan Afifidaus duduk di dalam kereta jenis Proton Saga setiap masa untuk berteduh daripada hujan selain memantau lembu di kawasan tanah lapang.

"Sekiranya saya keluar untuk memotong rumput untuk ma-



RAIHAN (kiri) dan Afifidaus memantau lembu ternakan mereka dengan 'berkhemah' di dalam kereta jenis Proton Saga selepas Kampung Serongga, Pasir Mas dilanda banjir sejak lima hari lalu.

kanan lembu, Afifidaus akan berjaga di sini. Kami terpaksa mengawasi lembu-lembu ini kerana bimbang ia dicuri, malah harga juga mahal berbanding lembu biasa," katanya ketika ditemui Kosmo! di Kampung Serongga di sini kelmarin.

Raihan memberitahu, dia mengakui bahawa sudah penat dengan situasi banjir yang berlaku setiap tahun, namun tetap perlu menjaga lembu-lembu itu ekoran bimbang ia hilang.

Jelasnya, semasa banjir tahun sebelum ini, dia memasang khemah untuk memantau lembu-lembu peliharaan, namun ia muadah tumbang sekiranya berlaku ribut dan hujan lebat.

"Semasa musim tengkujuh ini, saya cuti buat sementara waktu daripada pekerjaan memandu jengkaут kerana mahu fokus menjaga lembu-lembu.

"Kebiasaanya, banjir akan surut dalam tempoh seminggu. Selagi bah tidak surut, di sinilah tempat tinggal kami," katanya.

'Berkhemah' dalam kereta awasi 14 ekor lembu

Oleh ROHANA ISMAIL
utusannews@mediamulia.com.my

PASIR MAS: Dua sekawan sanggup 'berkhemah' dalam kereta untuk memantau sebanyak 14 ekor lembu peliharaan mereka yang bernilai lebih RM50,000 daripada dicuri apabila Kampung Serongga dilanda banjir sejak lima hari lalu.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Raihan Mohammad, 23, bersama Afifidaus Mat Yusof, 16, sempat memindahkan semua lembu baka Charolais dan Limousin ke tempat tinggi sejak tiga hari lalu apabila kandang haiwan tersebut dinaiki air setinggi 0.3 meter.

Raihan berkata, dia mengawasi lembunya 24 jam secara bergilir-gilir dengan Afifidaus dengan duduk di dalam kereta di kawasan lapang yang menyediakan tempat ternakan itu.

"Saya dan Afifidaus duduk di dalam kereta jenis Proton



RAIHAN Mohammad (kiri) bersama rakannya Afifidaus Mat Yusof memantau lembu ternakan mereka dengan 'berkhemah' di dalam kereta jenis Proton Saga selepas banjir melanda Kampung Serongga, Pasir Mas, Kelantan. - UTUSAN/ROHANA ISMAIL

Saga setiap masa untuk berteduh dari hujan selain memantau lembu di kawasan tanah lapang.

"Sekiranya saya keluar un-

tuk memotong rumput untuk makanan lembu, Afifidaus akan berjaga di sini. Kami terpaksa mengawasi lembu-lembu ini kerana bimbang ia dicuri,

malah, harga juga mahal berbanding lembu biasa," katanya ketika di temui di Kampung Serongga di sini kelmarin.

Raihan memberitahu, dia mengakui bahawa sudah penat dengan situasi banjir yang berlaku setiap tahun, namun, tetap perlu menjaga lembu-lembu itu ekoran bimbang ia hilang.

Katanya, semasa banjir tahun sebelum ini, dia memasang khemah untuk memantau lembu-lembu peliharaan, namun, ia mudah tumbang sekiranya berlaku ribut dan hujan lebat.

"Semasa musim tengkujuh ini, saya cuti buat sementara waktu daripada pekerjaan memandu jengkaut kerana mahu fokus menjaga lembu-lembu.

"Kebiasaannya, banjir akan surut dalam tempoh seminggu. Selagi bah tidak surut, di sinilah tempat tinggal saya dan Afifidaus," ujarnya.